

U B751 AAB  
MAHATHIR - ASIA

I

KUALA LUMPUR, 5 NOV (BERNAMA) -- BEBERAPA NEGARA MAJU SEDANG BERUSAHA MENYEKAT NEGARA-NEGARA ASIA DARIPADA BERKEMBANG KERANA BIMBANG NEGARA-NEGARA ITU SATU HARI NANTI MUNGKIN MENJADI SAINGAN MEREKA, KATA PERDANA MENTERI DATUK DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA MAJU ITU SERINGKALI MENUDUH NEGARA-NEGARA ASIA DENGAN MENGATAKAN EKONOMI MEREKA TELAH BERKEMBANG DENGAN MENGGUNAKAN AMALAN-AMALAN YANG TIDAK SIHAT.

KETIKA MENYAMPAIKAN UCAPAN DASAR PADA KONGRES PENGIKLANAN ASIA KE-17 DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI CONTOH TUDUHAN KONONNYA MENGHALANG HAK-HAK ASASI MANUSIA DAN PEKERJA, KERAJAAN YANG TIDAK DEMOKRATIK DAN TIDAK MEMENTINGKAN ALAM SEKITAR.

+YANG SEBENARNYA IALAH NEGARA-NEGARA ASIA TELAH MENYIMPAN, MELABUR DAN MENGHADAPI RISIKO PERNIAGAAN SEDANGKAN NEGARA-NEGARA LAIN TELAH HILANG KEAZAMAN MEREKA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN DI ASIA SENTIASA BERUSAHA MEMAJUKAN PENGELUARAN PERKHIDMATAN DAN BARANGAN YANG DIKEHENDAKI OLEH DUNIA DAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN TEKNOLOGI BERKAITAN. -- LAGI.

1939MST 05 11 90

U B752 AAB  
MAHATHIR - ASIA 2 KUALA LUMPUR

+INI BERBEZA DENGAN KEINGINAN SESETENGAH NEGARA MAJU YANG MENGGUNAKAN LEBIH BANYAK DARIPADA YANG MEREKA MAMPU DAN BERBELANJA SEJUMLAH WANG YANG BANYAK UNTUK MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MEREKA BAGI PEPERANGAN DAN BUKANNYA UNTUK KEDAMAIAN.

+SEDANG NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MEMATUHI KEHENDAK PEMBANGUNAN, PERLUNYA PERANCANGAN YANG TELITI DAN MENGAMALKAN DASAR EKONOMI YANG BERHATI-HATI, NEGARA-NEGARA LAIN LANGSUNG TIDAK MENGINDAHKANNYA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BAGI SEBAHAGIAN BESAR NEGARA-NEGARA BARAT, NEGARA-NEGARA ASIA KONONNYA MASIH TIDAK DITADBIR DAN DIURUS DENGAN BAIK, AMALAN RASUAH MASIH BERLELUASA, MEREKA TIDAK MENGAMALKAN DEMOKRASI DAN TIDAK MAMPU MENCAPAI KEMAJUAN.

+SEBALIKNYA, SEKIRANYA MEREKA DAPAT MEMBANGUN, NEGARA-NEGARA ITU MUNGKIN AKAN MENJADI SAINGAN DARI SEGI EKONOMI DAN KETENTERAAN KEPADA KUASA BARAT.

+PADA HAKIKATNYA, NEGARA-NEGARA ASIA HANYA MAHU MENCAPAI KEMAJUAN DAN BERKONGSI KEMAKMURAN,+ KATANYA. -- LAGI.

1941MST 05 11 90

D702

U B753 AAB  
MAHATHIR - ASIA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, SESETENGAH NEGARA SEPERTI JEPUN TELAH MENJADI NADI PEMBANGUNAN BAGI EKONOMI NEGARA-NEGARA ASIA YANG LAIN MANAKALA KEMAKMURAN EKONOMI YANG LAIN JUGA MENYUMBANG KEPADA KEMAKMURAN SERANTAU DAN DUNIA.

+MEREKA BERSAMA-SAMA DENGAN EKONOMI ASEAN BAGAIMANAPUN TIDAK MENGAMBIL RINGAN TERHADAP KEJAYAAN MEREKA. MEREKA SENTIASA BERFIKIR DENGAN TELITI BAGAIMANA UNTUK MELABUR SUMBER-SUMBER YANG TERHAD DENGAN MENUMPUKAN KEPADA KAWASAN-KAWASAN PERTUMBUHAN TINGGI YANG BOLEH MEMAJUKAN MEREKA PADA MASA DEPAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, ASIA DIJANGKA MAJU DENGAN CEPAT BERBANDING DENGAN KAWASAN-KAWASAN LAIN DI DUNIA PADA MASA AKAN DATANG, YANG MEMBUAT PARA AHLI ANALISIS MEMPERCAYAI BAHAWA IA BOLEH MENANDINGI KESATUAN EROPAH DAN AMERIKA UTARA SEBAGAI KAWASAN PASARAN PADA TAHUN 90-AN.

+ASIA TELAH LAMA DILINDUNGI DARIPADA KACA MATA BARAT DAN APABILA KENYATAAN-KENYATAAN DIBUAT MENGENAI ASIA MENJADI +PASARAN MEGA TAHUN 1990-AN+, IA SEOLAH-OLAH TIDAK BERKEMAMPUAN,+ KATANYA.

WALAU PUN PER KAPITANYA KECIL, SAIZ JUMLAH PENDUDUK MENUNJUKKAN BAHAWA TERDAPAT KUASA MEMBELI BAGI BARANGAN YANG MAMPU, KATANYA, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA ASIA SEBAGAI +PASARAN MEGA+ DALAM TAHUN 1990-AN BUKAN MERUPAKAN KENYATAAN KOSONG. -- LAGI.  
1944MST 05 11 90

D703

U B754 AAB  
MAHATHIR - ASIA 4 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, ASIA TELAH BERKEMBANG SENDIRI DARI SEGI PERTUMBUHAN EKONOMI KERANA BANYAK PELABURAN ADALAH DARIPADA NEGARA-NEGARA ASIA.

+DENGAN NEGARA-NEGARA ASIA MENYOKONG PERTUMBUHAN ANTARA SATU SAMA LAIN, MEREKA AKAN MENJADI PASARAN SENDIRI SEPERTI JUGA BANYAKNYA DI PASARAN DUNIA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, MENJELANG TAHUN 2000 ADALAH DIJANGKAKAN KELUARAN NEGARA KASAR ASIA, TERMASUK JEPUN, AKAN MELEBIHI APA YANG TERDAPAT DI AMERIKA SYARIKAT DAN EROPAH.

MENGENAI MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA PERTUMBUHAN EKONOMINYA ADALAH DIJANGKAKAN PADA PURATA ANTARA 7 DAN 8 PERATUS MANAKALA BARANGAN SEPERTI SEMI-KONDUKTOR DAN TEKSTIL AKAN KEKAL SEBAGAI BARANGAN PENTING.

MENYENTUH SOAL PENGIKLAMAN, BELIAU BERKATA SATU KOD ETIKA PERLU DIKEKALKAN OLEH MEREKA YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI ITU. -- BERNAMA.  
1945MST 05 11 90